



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM-PROGRAM  
PUSPANITA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN KEDUA MAJLIS  
BANDARAYA SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**14 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**  
**3.00 PETANG**

**DEWAN KENANGA MENARA BANDARAYA MBSP  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Datin Che Limah Binti Ujang**  
Pengerusi PUSPANITA MBSP

Yang Dihormati WHIP Parti  
**Encik David Marshel a/l Pakianathan**  
**Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid**  
**Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**  
Pemangku Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Barisan Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA MBSP**

**Ahli-ahli PUSPANITA dan Suri MBSP**

**Rakan-rakan Media**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat petang dan salam sejahtera.

Alhamdulilah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya sekali lagi kita dapat bersama-sama di Majlis Penyampaian Hadiah Program-Program PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai Sempena Ulangtahun Kedua Majlis Bandaraya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakam ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah Binti Haji Ujang selaku Pengerusi PUSPANITA MBSP dan seluruh Ahli Jawatankuasa PUSPANITA dalam menjayakan semua program Sempena Majlis Ulangtahun Kedua Majlis Bandaraya.

**Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

PUSPANITA amat dekat di hati saya. Selaku Penasihat PUSPANITA MBSP, saya amat menghargai segala usaha juga perkongsian idea daripada wanita yang bekerja mahupun suri rumah yang menjadi tunjang

kepada kecemerlangan organisasi seperti Majlis Bandaraya Seberang Perai. PUSPANITA adalah sebagai platform membawa inspirasi dan penggerak kepada kaum wanita untuk berkecimpung dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, pendidikan, kebajikan dan sosial.

Sebagaimana kita sedia maklum, dunia kini sedang diuji dengan pandemik Covid-19 yang telah mengubah landskap ekonomi, sosial dan politik negara. Seluruh dunia termasuk Malaysia dan Negeri Pulau Pinang khasnya amat terkesan dengan wabak pandemik ini kerana ia telah menjaskam banyak sektor ekonomi negara. Antara kesan terbesar adalah ramai yang kehilangan punca pendapatan akibat tidak boleh bekerja disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan ada juga telah diberhentikan kerja kerana pihak majikan tidak dapat membayar gaji mereka.

Justeru, di peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai pelbagai inisiatif telah diperkenalkan bagi membantu meringankan beban rakyat dan tak terkecuali PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai turut berganding bahu dalam menghulurkan bantuan meringankan beban bagi ahli dan suri yang diuji dengan jangkitan virus Covid-19.

**Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati**

**Sekalian,**

Saya difahamkan, sepanjang tahun 2021, sebanyak 23 program sehingga September 2021 telah dijalankan sama ada yang dianjurkan oleh PUSPANITA MBSP secara total atau secara perkongsian pintar dengan lain-lain persatuan, agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam menyantuni ahli dan MBSP. PUSPANITA MBSP juga adalah badan PUSPANITA yang mempunyai bilangan ahli tertinggi di kalangan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu berjumlah 606 orang. Tahniah diucapkan kepada YBhg. Datin Pengurus PUSPANITA MBSP dan seluruh AJK Induk PUSPANITA.

Kita masih boleh bersosial dan menjalani kehidupan bermasyarakat. Walaupun suasannya mungkin tidak seperti dahulu, kerana virus Covid-19 ini masih ada dalam masyarakat kita. Dan kita perlu akur untuk terus menjalani kehidupan dalam norma yang baharu ini untuk tempoh masa yang lebih lama mengikut Standard Prosedur Operasi yang sarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Marilah kita bersama-sama meneruskan untuk berganding bahu dalam mengekang penularan wabak Covid-10.

Program saringan kesihatan mental menggunakan instrumen DASS-21 (*Depression, Anxiety, Stress Scale 21*) yang dibentuk ke dalam aplikasi dalam talian. Program ini berobjektif untuk mengenal-pasti kakitangan MBSP yang berisiko menghadapi stres, kemurungan dan keresahan agar diberi intervensi awal oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MBSP dan AKRAB. Sehingga 8 Oktober 2021, sebanyak 1108 respon telah diterima. Kerjasama PUSPANITA amat diperlukan untuk menggalakkan ahli-ahli mengambil bahagian dalam saringan kesihatan mental supaya dapat mengetahui status diri dan seterusnya membawa kebaikan pada diri sendiri, keluarga dan warga Seberang Perai.

Harapan saya agar ahli PUSPANITA MBSP akan terus memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai.

**Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Semoga PUSPANITA MBSP terus cemerlang, gemilang dan terbilang juga terus terus gigih menyumbang tenaga dan usaha kerja demi kejayaan pembangunan organisasi, negara dan ummah.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukatanya merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Program-Program PUSPANITA MBSP Sempena Majlis Ulangtahun Kuda Majlis Bandaraya pada hari ini.

**Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You**